



Ruj. Kami : JPV/BKPBV(K)/700-1/5/1 (10)

Tarikh : 02 Jun 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/Puan,

NOTIS WASPADA: LANGKAH PENCEGAHAN PENYAKIT *MONKEYPOX* DARIPADA MEMASUKI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berikutan penularan wabak *monkeypox* yang dilaporkan sehingga kini di sekurang-kurangnya 12 buah negara bukan endemik di tiga benua dengan jumlah kes dianggarkan seramai 90 orang, Malaysia perlu bersiapsiaga untuk menghadapi kebarangkalian penyakit tersebut berlaku dalam manusia dan haiwan dalam Negara.

3. Sebagai langkah awal pencegahan terhadap penularan *monkeypox* di kalangan haiwan domestik dan eksotik (spesis haiwan bukan di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010), pihak Tuan/Puan dikehendaki **berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga** terhadap kejadian penyakit ini di kalangan haiwan di bawah jagaan atau tanggungjawab pihak Tuan/Puan, dan **melaporkan dengan serta-merta kepada pihak DVS** sekiranya terdapat kejadian disyaki *monkeypox* kepada **Pusat Pengurusan Penyakit Haiwan (*Animal Disease Information Center*)** melalui email: adic@dvs.gov.my atau melalui **Hotline: 03-8870 2041**. Turut dilampirkan bersama surat ini adalah maklumat berkenaan penyakit *monkeypox* pada haiwan untuk rujukan Tuan/Puan.

4. Pihak Tuan/Puan juga diingatkan untuk segera mendapatkan rawatan daripada fasiliti kesihatan KKM berdekatan sekiranya mempunyai gejala *monkeypox* yang disyaki.

5. Perhatian dan kerjasama pihak Tuan/Puan berkenaan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian untuk makluman dan tindakan pihak Tuan/Puan.

Terima kasih.

'WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menandatangani amanah,


(DATU' DR. NORLIZAN BIN-MOHD NOOR)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Malaysia

s.k : (i) Timbalan Ketua Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar)
(ii) Fail SKPHZ

SENARAI EDARAN:

1. **Malaysian Veterinary Medical Association (MAVMA)**
10-1, Jalan Sierra 10/2, Bandar 16 Sierra,
47120 Puchong,
SELANGOR.
- Mohon kerjasama untuk maklum kepada semua ahli persatuan

2. **Malaysian Small Animal Veterinary Association (MSAVA)**
No. 10A, Jalan Mutiara Raya
Taman Mutiara Barat,
56000 KUALA LUMPUR.
- Mohon kerjasama untuk maklum kepada semua ahli persatuan

3. **Dekan**
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Putra Malaysia
43300 Serdang
Selangor.

4. **Dekan**
Fakulti Perubatan Veterinar
Universiti Malaysia Kelantan
Pengkalan Chepa
16160 Kota Bharu
Kelantan.